

No. Sebut Harga : EPU/SH/06/2024

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH**

Kementerian atau Jabatan:

KEMENTERIAN EKONOMI

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:


Bil.	Keterangan aset	*Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan
1.	BAS SCANIA	WMK452	1	RM12,000.00

* Nota : Bagi yang berkaitan sahaja.

2. Aset boleh dilihat pada **09 Oktober 2024 (Rabu)** dan/hingga _____ di antara jam **10.00 Pagi** hingga **12.00 Tengah Hari** di **Lot Parkir, Aras -1, Blok Setia Perdana 5, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.**
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperoleh pada sesi lawatan tapak sahaja.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut harga EPU/SH/06/2024 dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:-

**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN EKONOMI
NO 26, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 3
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62675 PUTRAJAYA**

5. Tarikh tutup sebut harga pada **16 Oktober 2024 (Rabu)** jam **12.00 tengah hari**. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.



(Tandatangan Ketua Jabatan)

Alamat: **KEMENTERIAN EKONOMI
NO 26, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 3
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62675 PUTRAJAYA**

Tarikh:
Cap:

DR. NORAZLINA BINTI ARIFFIN
Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan)
Kementerian Ekonomi

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Semua penyebut harga yang berminat dengan tawaran ini adalah **DIWAJIBKAN** untuk menyertai sesi lawatan tapak. Tuan/Puan adalah dimohon untuk mengemukakan nama penuh berserta nombor kad pengenalan ke aznida.rahman@ekonomi.gov.my sebelum/ pada 08 Oktober 2024 (Rabu) pada jam 12.00 tengah hari penyelarasan. Sebarang pertanyaan boleh hubungi pegawai-pegawai berikut:-
 - i. Muhammad Ridzuan bin Razlan - 03 8090 2222
 - ii. Aznida binti Abd Rahman - 03 8090 2241
2. Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih (KEW.PA-28) yang mempunyai nombor siri hanya akan **diserahkan** kepada penyebut harga **yang menghadiri sesi lawatan tapak sahaja**.
3. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
4. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% dari harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000.00 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf bank sahaja atas nama **AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA – ME – T.**
5. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
6. Aset dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
7. Kementerian ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang dijual.
8. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggalkan (dismantle), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh penyebut harga sendiri.
9. Penyebut harga yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh dua (2) minggu daripada tarikh pemakluman keputusan. Kaedah pembayaran adalah dalam bentuk draf bank sahaja. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
10. Penyebut harga yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh dua (2) minggu selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Kementerian berhak untuk melupuskan aset tersebut.

**KERAJAAN MALAYSIA
PERAKUAN PELUPUSAN (PEP)
ASET ALIH KERAJAAN**

Kementerian atau Jabatan	: KEMENTERIAN EKONOMI, KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI		
Alamat	: MENARA PRISMA, NO. 26, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 3, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62675, WP PUTRAJAYA		
No. Siri Pendaftaran Aset	: JPM/UPE/H/04/1	Jumlah Jarak Perjalanan (km) /	: -
No. Kodifikasi Nasional	: -	Tempoh Penggunaan (jam)	: -
Jenis, Jenama dan Model	: BAS 40 PENUMPANG, SCANIA, K124IB4X2	Tahap Prestasi Semasa Aset	: 0 %
No. Chassis/Siri Pembuat	: 9BSK4X20003547050	Jumlah Kos Penyelenggaraan Terdahulu	: RM 170,643.36
No. Enjin	: 8027361	Nilai Semasa	: RM 12,000.00
No. Pendaftaran	: WMK452	Anggaran Kos Penyelenggaraan Semasa	: RM 45,000.00
Tarikh Perolehan	: 24/12/2004	Anggaran Nilai Selepas Diperbaiki	: RM 34,500.00
Nilai Perolehan Asal	: RM 579,770.00	Anggaran Tempoh Usia Guna Selepas Diperbaiki	: 1 Tahun


LAPORAN PEMERIKSAAN

Butir-butir pembaikan yang perlu :

1. Sistem enjin kenderaan tidak berfungsi perlu dibaik pulih dan diselenggara sepenuhnya
2. Sistem transmisi/kotak gear kenderaan (leaking) perlu dibaik pulih
3. Sistem penyamanan udara, sistem brek dan suspensi/gantungan perlu disenggara
4. Badan,cat dan aksesori pada keseluruhan luar dan dalam kenderaan perlu disenggara
5. Kesemua tayar perlu diganti baru

Diakui bahawa aset tersebut telah diperiksa dan diperakukan untuk pelupusan atas-atas sebab-sebab berikut :


1. Kenderaan tersebut telah berusia 19 tahun dan tersadai mengalami kerosakan
2. Kos pembaikan melebihi nilai semasa kenderaan
3. Kenderaan telah memenuhi dua syarat pelupusan dalam pekeliling Kerajaan
4. Telah mencapai tempoh penggunaan yang berekonomi
5. Tidak ekonomi dibaiki


.....
(Tandatangan)

Nama : AHMAD KHAIRUDDIN BIN ASHAARI
Jawatan : PENOLONG JURUTERA MEKANIKAL

Tarikh : 07/08/2023

Cap : AHMAD KHAIRUDDIN BIN ASHAARI
Penolong Jurutera Mekanikal JA29
Bahagian Perkhidmatan Mekanikal
CKM, Ibu Pejabat JKR


.....
(Tandatangan)

Nama : MOHD AMIRUL ASWAD BIN KHAIRUDDIN
Jawatan : JURUTERA MEKANIKAL

Tarikh : 07/08/2023

Cap : MOHD AMIRUL ASWAD BIN KHAIRUDDIN
Jurutera Mekanikal J44
Bahagian Perkhidmatan Mekanikal
CKM, Ibu Pejabat JKR